

KEPENTINGAN SANAD DALAM ILMU HADITH DI ERA GLOBALISASI

Asmadi Bin Sakat
Mohd Fauzi Bin Mohd Amin

Muqaddimah

Sanad adalah merupakan antara perkara terpenting dalam rangka mengenalpasti sesuatu perkhabaran sehingga dikenali mana yang boleh diterima dan mana yang tertolak. Kertas kerja ini wajar dipaparkan demi melihat kepentingan sanad dalam menjaga keaslian maklumat agama agar terpelihara. Objektif kertas kerja ini juga ialah memperkenalkan maksud sanad dan perihalnya. Mengenalpasti disiplin sanad merupakan tuntutan islam yang diperintahkan Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. Disiplin sanad ini telah dipraktikkan oleh para sahabat, dalam mengenalpasti sebarang perkhabaran. Lebih-lebih lagi di era globalisasi ini sebarang perkhabaran dan maklumat boleh didapati dengan mudah yang dikaitkan dengan Islam. Sebab itulah sanad merupakan sebahagian agama kerana tanpanya tidak dapat dikenalpasti kesahihan maklumat-maklumat agama. Hasil kajian yang dapat dibuat di sini ialah sanad hadith mempunyai nilai yang tidak dapat diketahui atau difahami oleh mereka yang tidak arif tentang ilmu berkenaan bidang tersebut. Kajian tentang kepentingan sanad ini adalah untuk memaparkan hakikat sanad dalam hadith

dan permasalahannya. Permasalahan sanad bukan sesuatu yang ringan, ia memerlukan pemahaman dan kepakaran yang tinggi dalam mengkaji atau membahaskannya. Kertas kerja ini juga akan memperjelaskan titik persamaan dan perbezaan kepentingan Isnad di era globalisasi dan diharapkan semoga ia menjadi pengantar kepada pencinta Sunnah Rasulullah S.A.W.

Pengertian Globalisasi

Globalisasi bererti fenomena yang menjadikan dunia kelihatan mengecil dari segi perhubungan manusia disebabkan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. (Dewan Bahasa. 1996. 408)

Dewasa ini perkembangan sains dan teknologi pesat sekali, kepesatannya telah membentuk satu dimensi baru dalam penerusan survival hidup dimana ia bukan sahaja membentuk kerja-kerja sesaorang itu bahkan ianya juga mempercepatkan kerja mereka. Diantara kemajuan itu ialah kelahiran program hadith berkomputer yang dihasilkan melalui gabungan pengetahuan dan pengalaman para cendikiawan, intelektual, profesional dan ulamak. Diantara program hadis berkomputer di pasaran sekarang ialah *al-Mausuah Al-Zahabiah*, *Al-Alfiah Kutub Tisa'h*, *Jawamik al-Kalim* dan lain-lain.

Program berkenaan memudahkan para pembaca dan pengkaji menjejaki ribuan hadis dengan pantas dan menjimatkan masa.

Komentaar Umum penggunaan carian hadis berkomputer

1. Proses carian hadis masih lagi kurang sistematik dimana sesetengah hadis yang tidak dikehendaki juga tersenarai bersama-sama nas yang dicari, khususnya jika nas-nas

tidak dapat berpegang kepada system maklumat dunia globalisasi semata-mata khususnya perkara melibatkan kajian sanad hadis dalam menentukan hukumnya.

1.0 Takrif Sanad

Sanad atau dikenali dengan *ṭarīq* ialah riwayat yang menghubungkan *matan al-Ḥadīth* junjungan Nabi Muhammad s.a.w kepada kita. Sebagai contoh kata Imam al-Bukhārī: “Muhammad bin al-Muthannā telah menceritakan kepadaku, katanya, ^cAbd al-Wahhāb telah menceritakan kepadaku katanya: “Ayyūb telah menceritakan kepadaku daripada Abū Qilābah daripada Anas daripada Nabi Muhammad s.a.w. sabdanya:

“Tiga perkara barangsiapa memilikinya nescaya memperoleh kelazatan iman, iaitu bahawa Allāh dan RasūlNya hendaklah lebih dicintai daripada selainNya, kecintaan kepada seseorang tidak lain kecuali kerana Allāh semata-mata dan bahawa dia enggan kembali kepada kekufuran seperti keengganannya dilontar ke dalam api.”

Melalui contoh di atas dapat dikatakan bahawa sabdaan Nabi s.a.w. tersebut disampaikan oleh Anas r.a. sebagai *rawi* pertama kepada Abū Qilābah, kemudian Abū Qilābah sebagai *rawi* kedua menyampaikan kepada al-Thaqāfi dan al-Thaqāfi sebagai *rawi* yang keempat menyampaikan kepada Muhammad bin al-Muthannā hingga sampai kepada Imam al-Bukhārī sebagai *rawi* terakhir. Dengan ini Imam al-Bukhārī menjadi perawi terakhir kepada kita.

Dalam lapangan ilmu hadith, *sanad* ialah neraca untuk menimbang ṣaḥīḥ atau ḍa‘īf sesebuah hadith. Andaikata salah

tersebut berada dalam bab yang sama dengan nas yang dicari.

2. Melalui pengamatan penulis terdapat beberapa kesilapan pada nas hadis, ini boleh memberi kesan kepada pemahaman nas tersebut.
3. Walaupun program-program hadis berkomputer dalam dunia globalisasi banyak memudahkan kerja-kerja carian hadis, namun penggunaanya secara meluas boleh mengalih pandangan pengguna daripada kitab-kitab turath yang selama ini merupakan sumber maklumat utama dalam proses carian hadis.
4. Walaupun program al-Mausuah misalnya memuatkan jumlah rijal yang banyak namun ia tidak mempunyai sistem tersendiri yang lebih sistematik dalam kajian sanad dan perawi sebagaimana yang terdapat pada sistem carian hadisnya.

Kesan dan tuntutan globalisasi terhadap ilmu hadis diroyah dan riwayat

1. Program berkomputer dalam dunia globalisasi hanya sebagai satu alat carian hadis secara cepat.
2. Program computer yang membekalkan sanad hadis hanya mengemukakan hukum yang telah dibuat oleh ulamak silam secara cepat, namun hadis-hadis yang belum dihukum matan dan sanadnya tidak mampu setakat ini ditentukan oleh program computer.
3. Menghukum hadis samada yang telah dinilai oleh ulamak dahulu atau belum dinilai mempunyai disiplin dan metodologi tertentu serta tidak dapat dinilai oleh teknologi masa kini. Oleh itu berdasarkan ketiga-tiga faktor di atas kita

seorang antara perawi tersebut ada yang fāsiq atau tertuduh sebagai pendusta, maka ḍaʿīflah ḥadīth ini hingga tidak boleh dijadikan hujah untuk menetapkan hukum.

2.0 Takrif Isnād, Musnid dan Musnad;

Usaha seorang ahli ḥadīth dalam menerangkan sesuatu ḥadīth yang diikuti dengan penjelasan kepada siapa ḥadīth itu disandarkan, disebut mengisnādkan ḥadīth. Ḥadīth yang diisnādkan disebut *musnad*. Manakala orang yang mengisnadkan ḥadīth disebut *musnid*. (Drs. Faṭḥ al-Raḥmān 1978: 25).

Walaubagaimanapun terdapat juga pengertian musnad yang lain seperti di bawah ini:

- i. Ḥadīth yang *marfūʿ* lagi *muttasīl* (sanadnya bersambung-sambung).
- ii. Nama kitāb yang menghimpun seluruh ḥadīth yang diriwayatkan oleh para ṣahabat. (Drs. Faṭḥ al-Raḥmān 1978M: 25).

3.0 Kepentingan Sanad.

Sanad (Isnād) adalah suatu keistimewaan umat Islam yang tidak ada pada umat-umat terdahulu. Oleh sebab itu kitab-kitab mereka telah hapus dan diselewengkan, sebagaimana telah hapus juga sabda-sabda Nabi mereka dan digantikan pula tempatnya oleh kebohongan-kebohongan para “dajjāl” yang mempermainkan ayat-ayat Allāh s.w.t. dan menjualnya dengan harga murah.

Prihatin terhadap sanad dalam menyampaikan berita-berita (ḥadīth) adalah suatu sunnah yang amat dituntut dan merupakan suatu *syiʿār* umat ini. Oleh yang demikian wajiblah setiap muslim bersandar kepada sanad dalam menyampaikan hadith. Ibn

al-Mubārak pernah mengatakan: “Sanad adalah sebahagian (syi^Cār) agama. Kalaulah tidak kerana adanya sanad nescaya orang akan berkata apa sahaja yang mereka mahu.” Al-Thawrī juga pernah berkata: “Sanad adalah senjata seorang mukmin.”

Kepentingan sanad dan nilaianya akan dapat dirasakan oleh orang yang mengkaji “rijāl” sesebuah ḥadīth setelah mengkajinya di dalam kitab-kitab yang menjelaskannya. Kepentingannya adalah seiring dengan kepentingan mengetahui “ittiṣāl” dan “inqiṭā^C” sesebuah ḥadīth itu. Kalau tidak demikian nescaya sukar atau mustahil untuk membezakan mana ḥadīth yang ṣaḥīḥ dan mana yang palsu, dan akan beranilah para pendusta mereka-reka ḥadīth. (Mahmūd al-Taḥḥān 1417H/1996M: 139).

4.0 Orang yang pertama menyelidik sanad.

Pada zaman permulaan Islam, semenjak hayat Rasūl s.a.w. hingga zaman fitnah; pembunuhan ^CUthmān bin ^CAffān r.a. orang tidak bertanya tentang sanad apabila mendengar ḥadīth. Apabila berlaku fitnah sanad mula dipersoalkan. Dikhabarkan oleh al-Imām Muhammad bi Sīrīn (seorang Tabī^Cī): “Orang tidak bertanya tentang sanad sebelum ini. Apabila berlaku fitnah, mereka mula mempersoalkan tentangnya dengan sering bertanya, terangkan siapa-siapa “rijāl” kamu.” Maka apabila sah “rijāl” yang meriwayatkan ḥadīth tersebut (ahli sunnah) mereka terima ḥadīthnya, tetapi apabila dia ternyata dari kalangan ahli bid^Cah, mereka tolak ḥadīthnya.”

Mengambil ḥadīth melalui perantaraan ṣaḥābat yang lain adalah perkara biasa di kalangan para ṣaḥābat semenjak Rasūl s.a.w. masih hidup lagi. Antara ṣaḥābat yang ada melakukan cara

tersebut ialah ^CAlī bin Abū Ṭālib dari Fāṭimah dan Abū Ayyūb al-Anṣārī dari Abū Hurayrah. Tetapi apabila berlaku fitnah dan hingga zaman Kibār al-Tābi^Cin mulalah sanad dipersoalkan.

Diriwayatkan oleh Imam Muslim dengan sanadnya yang muttaṣil dari Mujāhid, katanya: Telah datang Busyayr al-^CAdawī kepada Ibn ^CAbbās, lalu beliau pun bercerita dengan menyebut ḥadīth-ḥadīth Rasūl s.a.w. Ibn ^CAbbās telah melarangnya malahan tidak memandangnya. Busyayr bertanya: Wahai Ibn ^CAbbās. Engkau mahu mendengar kata-kataku, tetapi tidak mahu pula mendengar ḥadīth yang aku sebutkan. Ibn ^CAbbās menyatakan bahawa memang dahulu apabila mendengar sahaja apa yang dikatakan ḥadīth, mereka akan mendengarnya dengan penuh perhatian. Tetapi apabila orang telah mempermudah-mudahkan urusan agama, lalu mereka hanya memadai dengan ḥadīth-ḥadīth yang ada pada mereka sahaja. Selepas mereka para Tābi^Cin pula telah melakukan penyelidikan tentang sanad dan mereka melazimkannya.

Diriwayatkan oleh Ibn ^CAbd al-Bar dari al-Sya^Cbī dari al-Rabi^C bin Khuthaym yang berkata:

من قال لا إله إلا الله وحده لا شريك له له الملك وله
الحمد يحيى ويميت وهو على كل شيء قدير، عشر
مرات، كن له كعتق رقاب أو رقبة، قال الشعبي فقلت
للربيع بن خيثم: من حدثك بهذا الحديث؟ فقال:
عمرو بن ميمون الأزدي، فلقيت عمرو بن ميمون
فقلت: من حدثك بهذا الحديث؟ فقال: عبد الرحمن
بن أبي ليلى، فلقيت ابن أبي ليلى فقلت: من حدثك؟
قال: أبو أيوب الأنصاري صاحب رسول الله صلى الله
عليه وسلم. قال يحيى بن سعيد: وهذا أول من فتن
عن الإسناد.

Ini adalah salah satu contoh permulaan mengkaji sanad. Disamping itu para ṣahābat Rasūl s.a.w. dan para Ṭābi^Cin juga sering memesankan supaya mencari sanad dan menelitinya. Para ulama seperti al-Thawrī, Ibn al-Mubārak dan al-Zuhri juga amat mementingkan sanad. (Muhammad^C Ajjāj al-Khaṭīb 1401H/1981M: 220-223).

Ibn Sīrīn dikatakan orang yang pertama (di kalangan Ṭābi^Cin) mengkaji dan mengkeritik “rijāl” dan membezakan yang thiqah dari yang tidak thiqah dari kalangan “rijāl” tersebut. Ya^Cqūb bin Syaybah telah bertanya kepada Yaḥyā bin Ma^Cin: Adakah dia tahu kalau ada kalangan ṭābi^Cin yang memilih (menyelidiki) “rijāl” seperti yang dilakukan oleh Ibn Sīrīn. Ya^Cqūb menyatakan: Tiadā menyebut: Aku telah mendengar^C Alī bin al-Madīnī berkata: Orang yang pertama (di kalangan Ṭābi^Cin) mengkaji dan memilih sanad ialah Muhammad bin Sīrīn, kemudian diikuti oleh Ayyūb dan Ibn^C Awn. Kemudian datang pula Syu^Cbah, Yaḥyā bin Sa^Cid dan^C Abd al-Raḥmān. (Ibn Rajab al-Ḥanbalī 1407H/1987M: 355).

5.0 Kepentingan Sanad menurut Ulama hadith.

Memandangkan betapa pentingnya sanad, maka menjadi metode ulama Islam untuk tidak menerima ḥadīth kecuali bersama sanadnya, dan sesudah dikaji dan diteliti para rāwinya. Kegigihan mereka dalam rangka mengkaji sanad ḥadīth secara tepat dan mendalam diluar kemampuan akal biasa. Kadangkala terdapat di kalangan mereka sanggup mengembara meredah perjalanan berbulan-bulan dengan tujuan mendapatkan satu sanad ḥadīth semata-mata. Daripada sinilah “rijāl ḥadīth” diberi nama al-Sanad kerana merekalah golongan yang boleh dijadikan neraca untuk membezakan ḥadīth yang ṣaḥīḥ dengan yang lain seterusnya mana yang patut dijadikan pegangan dalam agama atau sebaliknya.

Ketika mengumpul ḥadīth, para ulama ahli ḥadīth amat mengambil berat masalah al-Isnād; mereka meriwayatkan ḥadīth di dalam kitab mereka dengan menyebut sanad. Mereka bangun dan bersungguh-sungguh menyedik seluruh sanad di setiap ḥadīth serta menghimpunnya. Setiap kitab yang ditulis dan disusun memiliki tujuan-tujuan yang tertentu. Maka tidaklah hairan kepada kita apabila para Imām seperti al-ʿIrmidhī mengikut, meniru dan memajukan lagi usaha-usaha ulama ḥadīth seperti Imām Muslim dalam lapangan tersebut. Beliau dianggap sebagai pelopor kemajuan dan kesenian ilmu Isnād al-Ḥadīth, dengan bersusah payah meneliti dan menggali ilmu para ulama sebelumnya terutama gurunya Imām Muslim. Oleh itu beliau berjaya memiliki kaedah yang dimiliki oleh Imām Muslim, malah lebih maju dalam beberapa perkara berhubung Isnād.

6.0 Keprihatinan Ulama terhadap Sanad.

Para ahli ḥadīth sangat prihatin terhadap sanad. Mereka tidak membiarkan sebarang aspek yang berkaitan dengan sanad tanpa dikaji. Sebagai hasilnya mereka telah meninggalkan untuk kita khazanah ilmu, khususnya ilmu berkaitan “rijāl”. Karangan-karangan tersebut ada yang menyangkut hal ehwal “thiqāt”, “ḍuʿafāʾ”, dan sebahagian lagi lebih umum dari itu. Mereka juga tidak memada dengan kritikan hal ehwal zahir sahaja, bahkan mereka juga mengkritik hal ehwal batin para rawi tersebut. Ini lebih jelas lagi apabila mereka dapat membezakan antara riwayat ahli bidʿah, samada bidʿah tersebut kelihatan secara zahir, atau tidak. Mereka menerima riwayat dari ahli biʿah yang batin (tidak zahir), dengan syarat ahli bidʿah tersebut tidak menzahirkan bidʿahnya, kerana apabila berlaku demikian, riwayat tersebut lebih berat akan

menyokong bid'ahnya. Namun demikian para ulama juga mahu menerima riwayat dari ahli bid'ah kalau dia tidak meriwayatkan ḥadīth yang menyokong bid'ah tersebut.

Para ulama pengkaji ḥadīth juga menganggap sebagai “jarh” apabila seseorang perawi itu rapat dengan pemerintah dan sering menerima pemberian dari mereka, kerana faktor-faktor kepentingan peribadi mungkin akan membawa kepada penyelewengan.

Sebagaimana para ulama mengambil berat terhadap sanad, mereka juga tidak mengurangkan perhatian terhadap kritikan “matan” ḥadīth - secara kritikan batin (dalaman) - hingga mereka menjadikan antara tanda-tanda kepalsuan (maudū'ah) sesuatu ḥadīth ialah kerana ia menyalahi akal sihat atau menyalahi apa yang menjadi kenyataan, atau perkara yang belum wujud lagi di zaman Rasulullah s.a.w., atau bertentangan apa yang dapat ditangkap oleh pancaindera, dan tidak mungkin di- “ta'wīl” kepada arti yang sesuai, kerana mereka juga sering menerima sesuatu ḥadīth yang “masyhūr” lagi ṣaḥīḥ atau sesuatu kenyataan sejarah walaupun bersalahan dengan al-Qurān atau ḥadīth-ḥadīth yang dapat diterima atau ijmak - secara zahir - setelah melalui peroses “ta'wīl” tersebut. Para ulama juga telah mengkatégorikan ḥadīth-ḥadīth kepada “da'īf”, “mungkar”, “syādh”, “mu'allal al-Matn”, “muḍṭarib” dan lain-lain lagi. Namun demikian kritikan mereka terhadap “matn” tidaklah seberat kritikan terhadap sanad.

Al-Rabi' bin Khaytham pernah berkata, “Sesungguhnya ḥadīth mempunyai sinar seperti sinaran matahari yang terang benderang, juga kegelapan seperti kegelapan malam yang sukar dibayangkan.” Al-Imām Ibn al-Jawzī juga pernah menyatakan, “Mana-mana yang dikatakan sebagai ḥadīth tetapi menyalahi akal sihat dan uṣūl agama serta naṣ-naṣ yang ṣariḥ, ketahuilah ia adalah palsu.”

Antara contoh ḥadīth palsu, sebagaimana dinyatakan oleh Ibn al-Jawzī

شكوت إلى جبريل رمد عيني فقال لي انظر في المصحف

Maksudnya:

“(Rasūl s.a.w.) telah mengadu kepada Jibrīl ketika sakit mata. Jibrīl mengesyorkan supaya melihat “muṣḥaf”.

Ibn al-Jawzī menyatakan bagaimana Jibrīl boleh menyuruh Rasūl s.a.w. supaya melihat “muṣḥaf” sedangkan ia sebenarnya belum wujud lagi ketika itu! Tentulah ia bertentangan dengan kenyataan.

Contoh lain ialah sebagaimana dinyatakan oleh Ibn al-Qayyim;

إذا عطس الرجل عند الحديث فهو صدق

Bagaimana mereka boleh menetapkan kebenaran sesuatu ḥadīth dengan bersin ?! (Muhammad bin Muhammad Abū Syahbah 1409H/1989M: 30-41).

7.0 Syubhat Sekitar Persoalan Sanad.

Ḥadīth adalah salah satu sumber syarak Islam. Kedudukannya adalah yang kedua selepas al-Qurān. Maka musuh-musuh Islam tidak berdiam diri apabila melihat betapa umat Islam sangat memberi perhatian terhadap ḥadīth. Orang Islam amat sensitif terhadap sesuatu yang dikatakan sebagai apa yang berkaitan dengan agama. Namun demikian adalah amat dikesalkan, bukan semua orang mempunyai kemampuan dan kebolehan untuk memeriksa dan memastikan sendiri kebenaran sesuatu yang didakwakan sebagai

naş syarak. Keadaan inilah yang telah dieksploitasikan oleh musuh-musuh Islam. Mereka telah menyerang Islam dan menyesatkan para pemeluknya dari akar umbinya, iaitu dari sumber syaraknya. Mereka cuba menimbulkan keraguan-keraguan terhadap ḥadīth, agar orang Islam akan terpedaya dan seterusnya akan meninggalkan agama ini dan akhirnya mereka dapat menguasai orang Islam dalam segenap aspek kehidupan.

Allāh s.w.t. telah mengingatkan kita;

ولن ترضى عنك اليهود ولا النصارى حتى تتبع ملتهم (البقرة : 120)

Maksudnya:

"Orang-orang Yahūdī dan Nas̄rānī tidak akan senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka".

Musuh-musuh tersebut menyerang ḥadīth dari segenap aspek; perawi, matn dan sanad. Kalau orang Islam tidak berawas maka mereka akan menjadi mangsa yang demikian enak kepada musuh-musuh tersebut! Na^cūdhu bi al-Allāh min dhālik.

7.0.a Disiplin Isnād dan Orientalis;

Seorang orientalis, Leon Caetani cuba menunjukkan bahawa isnād bukanlah berasal dari orang Arab, kerana sistem ini amatlah tidak sesuai dengan sifat primitif, kejahilan dan tidak bertoleransi. Tetapi anehnya beliau tidak dapat menunjukkan dari manakah asalnya dan siapakan pencipta sistem atau disiplin ini.

Leon Caetani juga di antara mereka yang telah membuat konklusi dengan menganggap bahawa sistem ini (di dalam Islam) adalah bermula antara zaman ^cUrwah bin al-Zubayr (94H) dan Muhammad bin Ishāq (151H). Beliau memberi contoh bahawa

pengumpul ḥadīth yang sistematik dan tertua ialah ^ᶜUrwah, dan beliau tidak menggunakan sistem isnād dan tidak membuat apa-apa rujukan selain al-Qurān, sebagaimana yang dirujuk oleh al-Ṭabarī. Dengan itu selama lebih enam puluh tahun sesudah wafatnya Rasūl s.a.w. penggunaan sistem isnād belum lagi wujud. Ini “bererti” sebahagian besar isnād telah dimasukkan dan direka oleh ahli-ahli ḥadīth pada abad kedua Hijrah atau ketiga Hijrah. A. Sprenger juga sependapat dengan Caetani dengan mengatakan tulisan ^ᶜUrwah kepada ^ᶜAbd al-Malik bin Marwān (70-80H) juga tidak mempunyai isnād pada peringkat awalnya.

Spenger seharusnya menyedari bahawa tulisan ^ᶜUrwah kepada ^ᶜAbd al-Malik bukan sahaja disimpan oleh al-Ṭabarī. Ia juga terdapat dalam beberapa koleksi ḥadīth, yang lebih terdahulu daripada al-Ṭabarī. Kita dapati al-Ṭabarī juga menggunakan rujukan dari ^ᶜUrwah melalui autoriti ^ᶜĀisyah, dan versi-versi lain dari karyanya pula, terutamanya yang diriwayatkan oleh al-Zuhri, ada juga disertakan dengan isnādnya.

Tentang kritikan terhadap isnad telah dijawab oleh Horovitz dengan serius dan lengkapnya dalam makalahnya “Alter und Ursprung des Isnad”. Beliau telah menyelar mereka yang menafikan penggunaan isnad oleh ^ᶜUrwah sebagai tidak melihat dan memerhatikan isnad-isnadnya. Ia membahaskan bahawa ada perbezaan antara seorang yang menulis untuk menjawab soalan dengan seorang yang menulis di dalam artikel-ertikel ilmiah. Menurutny kemasukan isnad ke dalam sastera ḥadīth ialah pada akhir abad pertama lagi. ^ᶜUrwah juga menggunakan isnad rencam (composite), dan ini bermakna isnad tunggal di dalam penulisan telah pun wujud lebih awal lagi daripada periode ini dan penggunaan isnad tunggal di dalam transmisi lisan ḥadīth adalah lebih awal daripada itu.

J. Robson telah memberi hujah yang lebih konkrit lagi tentang kewujudan isnad pada awal Islam. Menurutnya, sistem ini telah pun lahir pada pertengahan abad pertama Hijrah secara beransur-ansur. Menurutnya, Ibn Ishāq, yang hidup pada pertengahan abad kedua Hijrah, telah membuat sesetengah maklumat tanpa isnad dan lainnya dengan isnad. Sudah tentulah orang-orang sebelumnya lebih tidak cermat dalam mendokumentasi maklumat-maklumat mereka. Juteru itu, tidaklah boleh dijustifikasikan bahawa segala anggapan mengatakan sistem isnad itu satu perkembangan baru pada zaman al-Zuhri dan tidak pernah dikenali oleh ^cUrwah. Bila satu sistem isnad yang berkembang maju telah melalui proses pertumbuhan yang beransur-ansur, sesetengah dari elemen isnad telah pun wujud pada masa awal lagi, sebagaimana yang dituntut oleh orang ramai.

Menurut J. Schacht pula kewujudan isnad adalah satu tanggapan dan pendapat yang paling arbitrari atau dipaksa di dalam menentukan keşahihan dan kewujudan ḥadīth. Sistem ini berkembang di sekitar kumpulan tertentu yang mengesan kembali doktrin mereka terhadap autoriti awal. J. Robson menjawab kritikan J. Schacht ini dengan menjelaskan bahawa kritikan beliau itu memanglah mendalam dan hujah-hujah yang kuat telah dibawa oleh beliau untuk mencadangkan bahawa isnad itu satu perkembangan terakhir, tapi untuk menerima keseluruhannya adalah diragukan.

J. Schacht telah mencuba memperkatakan dan menyelesaikan ḥadīth hukum atau undang-undang, suatu bidang di mana bahasanya boleh diaplikasi secara lebih dekat dari bidang lain, terutamanya tentang peraturan-peraturan baru yang diperlukan untuk memenuhi segala perubahan keadaan dan suasana, tetapi alasan-alasan yang diberikan untuk membuktikan tidak adanya isnad kepada ḥadīth mengenai hukum ini, adalah terlalu umum. Tambahan pula ahli undang-undang biasanya tidak memberi kenyataan dengan isnad

secara terperinci apabila mereka mengemukakan fatwa-fatwa mereka.

J. Schacht mengatakan bahawa berdasarkan autoriti Ibn Sīrīn, seorang tābi^ᶜī, tuntutan dan minat terhadap isnad bermula dari perang saudara (fitnah) iaitu selepas pembunuhan Khalīfah Umayyah al-Wālid bin Yazīd pada tahun 126H, apabila orang ramai tidak lagi boleh dipercayai tanpa disiasat dan diselidik terlebih dahulu. Menurut beliau, pada masa itu timbul anggapan bahawa zaman terdapatnya “orang-orang jujur” seperti sebelumnya, iaitu di mana Sunnah Rasūl s.a.w. masih dihormati, sudah tidak wujud lagi. Untuk menjawab pernyataan ini, J. Schacht sepatutnya mengambil perhatian bahawa tarikh kematian Ibn Sīrīn adalah pada tahun 110 Hijrah, dan dengan itu segala kenyataannya adalah tidak benar, kerana beliau meninggal dunia lebih awal dari al-Wālid bin Yazīd.

Dalam hal ini, bagi J. Schacht penggunaan isnad tidak boleh dianggap lebih awal dari permulaan abad kedua Hijrah. Tetapi apa yang jelasnya, permulaan segala pernyataan Schacht ini adalah berdasarkan penafsiran arbitrarinya terhadap perkataan fitnah. Malahan tarikh pembunuhan al-Wālid tidak pernah disifatkan sebagai tarikh berakhirnya zaman “orang-orang jujur”, yang hanya diberikan kepada zaman al-Khulafā’ al-Rāsyidūn, sedangkan kita melihat banyak lagi zaman fitnah sebelumnya yang tidak disebut oleh Schacht, seperti peperangan antara ^ᶜAli dan Mu^ᶜāwīyyah dan antara ^ᶜAbd Allāh al-Zubayr dan ^ᶜAbd al-Malik bin Marwān tahun 70H. Schacht membuat anggapan fitnah tersebut adalah untuk menyesuaikan fikirannya dan menguatkan premise yang direkannya sendiri. Beliau membuat kenyataan demikian untuk mempertahankan teorinya, tanpa justifikasi sejarah.

Kekeliruan pengkajian tentang isnād adalah disebabkan perbezaan memilih kajian yang dibuat. Menurut J. Horovitz ada tiga

sumber yang mengeluarkan (menyebutkan) perkataan, perbuatan dan pengakuan Rasūl s.a.w. iaitu ḥadīth, sīrah dan tafsīr. Ketiga-tiganya telah diperkenalkan melalui rantai periwayatan. Lammens menekan sīrah dan ḥadīth adalah berasal dari satu sumber. Tetapi, J. Horovitz tetap membezakan antara sīrah dan ḥadīth. Dalam konteks ini dapat dilihat bagaimana J. Horovitz telah menjelaskan kedudukan sebenarnya antara dua disiplin ilmu itu.

7.0.b. Ketulenan Isnād;

Walaupun para orientalis meragui ketulenan isnād, tetapi apabila satu ḥadīth diriwayatkan oleh ramai perawi sudah tentulah sukar sekali untuk menggunakan teori “penyusuran ke belakang”, sebagaimana yang dicadangkan oleh J. Schacht. Beliau biasanya mengambil kes-kes yang lemah bagi memformulasi satu-satu teori. Umpamanya, apabila beliau menunjukkan kesalahan al-Imām Mālik, beliau tidak menyebut paragraf secara penuh. Tetapi al-Zurqānī telah menerangkan al-Imām al-Syāfi^{Ci}, penuntut al-Imām Mālik, sendiri pun meneliti kesalahan gurunya. Untuk menilai satu-satu ḥadīth al-Imām Mālik, para sarjana tetap membandingkan ḥadīth yang diriwayatkan oleh beliau dengan yang diriwayatkan oleh orang lain. Dengan itu, ḥadīth yang diriwayatkan oleh beliau sentiasa diteliti.

Jikalau ada amalan biasa mencipta isnād bagi memalsukan ḥadīth, ia adalah mustahil kerana ahli-ahli ilmu ḥadīth sentiasa memeriksa dan membuang atau membandingkan segala perbezaan yang terdapat. Dalam pemeriksaan-pemeriksaan ini, isnad palsu sentiasa ditemui dan tidak mungkin disedari tertinggal tanpa diselidiki. Walaupun begitu, tidaklah pula dinafikan bahawa setiap penyalin ḥadīth itu tidak pernah membuat apa-apa kesalahan, yang perlu dibuat pemeriksaan teliti untuk membetulkannya.

Kesukaran berlakunya “penyusuran ke belakang” dalam semua isnad adalah disebabkan perbezaan mazhab di kalangan orang Islam seperti golongan Sunnī, Syī^Cah, Khawārij dan lain-lain lagi, yang terpecah selepas wafatnya Rasūl s.a.w. Sekiranya semua ḥadīth hukum direka pada abad kedua dan ketiga Hijrah, sudah tentulah tidak ada satu pun ḥadīth yang sama di kalangan mazhab tersebut. Menurut J. Schacht, semua mazhab pada abad dan ketiga Hijrah sentiasa berhubung rapat dan mengembangkan teori hukum yang sama, selain beberapa modifikasi (pembaikan) kecil sebagaimana yang diperlukan oleh prinsip politik dan dogma masing-masing. Kenyataan ini tidak munasabah sekali kerana antara satu mazhab dengan yang lain sentiasa bermusuhan-musuhan dan amatlah sukar dipercayai bahawa satu mazhab meminjam pemikiran mazhab yang lain di dalam suasana permusuhan yang sedemikian.

Seterusnya J. Schacht meragui isnād Mālik - Nāfi^C - Ibn ^CUmar atas alasan al-Imām Mālik masih kecil lagi bila Nāfi^C meninggal dunia. Ini adalah satu pengeliruan yang cuba dibuat oleh Scacht berkenaan dengan perkara ini. Sejarah telah membuktikan bahawa al-Imām Mālik telah dilahirkan sekitar tahun 90, 93, 94 atau 97 Hijrah; tidak ada satu riwayat yang menunjukkan al-Imām Mālik telah dilahirkan selepas tahun-tahun tersebut. Ini bermakna al-Imām Mālik telah pun berumur dua puluh tahun ataupun lebih pada masa Nāfi^C meninggal dunia pada tahun 117H. Al-Imām Mālik meriwayatkan lebih kurang 80 ḥadīth dari Nāfi^C. Tidaklah mustahil kalau seorang guru seperti Nāfi^C dan seorang penuntut seperti al-Imām Mālik yang berumur 20 tahun lebih yang tinggal di dalam bandar yang sama dapat belajar dan menerima ḥadīth sebanyak itu dari gurunya.

Satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh J. Schacht ialah Nāfi^c adalah bekas hamba Ibn^c Umar dan dengan itu keikhlasannya adalah diragukan. Sebenarnya, bukan Nāfi^c seorang sahaja yang meriwayatkan ḥadīth dari Ibn^c Umar. Kalau ada apa-apa pemalsuan dari Nāfi^c sudah tentu sarjana-sarjana lain tidak mendingkan diri. Untuk mengatakan bahawa beribu-ribu sarjana mengadakan pemalsuan itu adalah mustahil sama sekali.

Tentang perkara ini, J. Robson menegaskan bahawa “isnād keluarga” (jalan periwayatan yang berasal dari satu keluarga, seperti dari bapa kepada anak, kemudian kepada cucu, dan seterusnya, seperti isnad^c Umar - Ibn^c Umar - Nāfi^c), adalah ciri sebenar di dalam dokumentasi ḥadīth yang perlu dikenali. Tetapi perlu diingatkan pula, terdapat ramai daripada mereka yang meniru jenis isnād ini untuk menyokong ḥadīth palsu mereka, iaitu ḥadīth yang diriwayatkan seperti melalui rantai keluarga^c Umar - Ibn^c Umar - Nāfi^c. Sehubungan dengan itu, seseorang tidaklah patut pula mempercayai kesemuanya. Walaubagaimanapun setiap pengkaji ḥadīth, mestilah faham bahawa para sarjana ḥadīth silam tidaklah melupai tentang persoalan ini.

Menurut Nabia Abbott, telah terbukti dengan lengkapnya bahawa isnād keluarga ini lahir pada awal-awal lagi dengan banyaknya, lebih daripada yang diketahui oleh sarjana-sarjana moden. Banyak di antara isnād keluarga ini dikesan kebelakang sampai kepada sahabat-sahabat Rasūl s.a.w. dan isnād demikian tetap dihormati sepanjang masa. Periwayatan ḥadīth keseluruhannya tidak boleh dipisahkan daripada isnād keluarga, kerana dari mula lagi penulisan ḥadīth digalakkan dan diamalkan oleh para sahabat melalui isnād demikian.

Sebagai kesimpulan, dapat dilihat bahawa para orientalis tidak memilih bidang yang betul dalam kajian mereka. Pengajian

sīrah tidak boleh dijadikan asas kepada pengkajian isnād atau ḥadīth, kerana ia tidak mencukupi. Isnād dan ḥadīth hendaklah dikaji berasingan. Teori “penyusuran ke belakang” di dalam isnād, sebagaimana yang dicadangkan oleh J. Schacht adalah sia-sia sahaja, kerana perawi-perawi telah datang dari berbagai-bagai tempat dan negeri yang berlainan yang sukar dikesan.

8.0 Kepentingan Isnad Dalam Hadith di Era Globalisasi

Setelah dibincangkan beberapa perkara penting berhubung Isnad, Musnad, Musnid, kepentingan Sanad, orang yang pertama menyelidiki Sanad, kepentingan sanad menurut ulama hadith, keprihatinan ulama terhadap Sanad, syubhat sekitar persoalan Isnad, Orientalis dan lain-lain, penulis beranggapan para pembaca dapat melihat secara sepintas lalu kepentingan Isnad dalam hadith.

Di zaman hadith belum dibukukan oleh para ulama, apabila seseorang berkata mengenai agama, mereka akan bertanya perawi-perawi mereka. Menurut Ibn Sirin, Para Sahabat tidak pernah bertanya tentang Isnad, manakala apabila berlaku sahaja al-Fitnah barulah mereka berkata; namakan kepada kami perawi-perawi kamu supaya dilihat (kecenderungannya) kepada ahli al-Sunnah kemudian diambil hadith mereka dan dilihat (kecenderungannya) kepada ahli al-Bida^c supaya tidak mengambil hadith mereka. (Mahmud al-Tahhan: 1985: hlm. 9.) Begitulah para sahabat dan para ulama berkorban dalam memastikan sesuatu perkhabaran yang diterimanya lebih-lebih lagi sekiranya mereka mencurigai kebenaran perawi perkhabaran berkenaan.

Sebenarnya kepentingan Isnad dalam hadith di era globalisasi masih tidak berubah. Hadith-hadith Nabi Muhammad s.a.w telah selamat dibukukan dalam kitab-kitab mereka. Namun

begitu, tidak bermakna kita boleh mengambil dan menerima sesuatu hadith sebelum mengetahui metodologi kitab-kitab hadith ulama berkenaan. Sebagai contoh, kitab-kitab al-Sunan al-Arba'ah mengandungi kesemua jenis hadith seperti Sahih, Hasan, Da'if.

Apa yang membezakan kepentingan isnad di zaman era globalisasi ialah perkara teknikal. Kepentingan isnad tampak melalui proses menisbahkan sesuatu hadith kepada sumber bertulis yang asal. Sesuatu hadith yang ditemui di mana-mana sahaja perlu dicari siapa penulisnya bagi memastikan kesahihannya. Langkah yang baik bagi kita ialah mencari kewujudannya, kemudian memastikan kesahihannya. Bagi menjejaki hadith berkenaan kepada kitab-kitab asal samada menggunakan semua kaedah al-Takhrij atau dengan bantuan CD-DVD hadith terkini. Apa yang perlu diingatkan di sini, apabila hadith berkenaan ditemui dalam kitab asalnya hendaklah dipastikan kesahihan martabat hadith berkenaan ataupun nas pengarang berkenaan. Sekiranya didapati Da'if atau Da'if pada sanad, pastikan hadith tersebut diriwayatkan di tempat lain kerana mungkin hadith berkenaan Da'if dalam kitab berkenaan, tetapi matannya Sahih menurut kitab yang lain. Keadaan ini begitu sukar bagi mereka yang bukan ahli untuk menentukan syahid atau mutaba'ah bagi sesuatu hadith. Meskipun seseorang pengkaji sudahpun meneliti seratus rujukan kitab-kitab hadith dan masih didapati Da'if adalah dinasihatkan ia hanya menyatakan ungkapan "sanad hadith berkenaan Da'if". Ini adalah kerana, menurut ulama, keda'ifan sanad tidak bererti matan sesuatu hadith berkenaan Da'if di tempat lain. Sebagaimana terdapat enam puluh hadith dalam Muwatta' Malik dan sebahagiannya Mursal, tetapi matannya Sahih di tempat lain termasuk al-Bukhari dan Muslim. Oleh itu, mereka yang hanya memiliki beberapa rujukan sahaja tidak wajar menyatakan ataupun mengeluarkan kenyataan bahawa sesuatu hadith tidak wujud tanpa merujuk kepada ahlinya.

Namun begitu, terdapat persamaan kaedah mengenalpasti kesahihan dulu dan masa kini iaitu dalam memastikan kesahihan sesuatu hadith. Tetapi malangnya masih ramai di kalangan para akademik sendiri masih mencuaikannya. Ada di kalangan para ulama masih memungguh atau menaqalkan hadith dari kitab-kitab asal, tetapi mereka tidak mengenalpasti samada ianya sahih atau sebaliknya dan lebih-lebih lagi adakah masih diguna pakai hukumnya atau tidak. Walaupun peringatan demi peringatan diberikan oleh para ulama kepada pengguna khususnya mereka yang menggunakan kitab-kitab selain daripada Sahih al-Bukhari dan Muslim, tetapi keadaan yang sama masih berlarutan hingga kini. Di antara mereka ialah Dr. Mahmud al-Tahhan, beliau telah menyatakan secara ringkas berkenaan kewujudan baki hadith-hadith Sahih yang tidak disebut oleh al-Bukhari dan Muslim. Menurut beliau, kita akan temui hadith-hadith berkenaan di dalam kitab-kitab yang boleh dipegang dan masyhur seperti Sahih Ibn Khuzaymah, Sahih Ibn Hibban, Mustadrak al-Hakim, al-Sunan al-Arba'ah, Sunan al-Daraqtni, al-Bayhaqi dan lain-lain. Menurut beliau lagi, tidak memadai kewujudan sesuatu hadith di dalam kitab-kitab berkenaan, bahkan tidak boleh tidak mesti ditentukan nas kesahihannya kecuali pada kitab para ulama yang mensyaratkan hanya mengeluarkan hadith-hadith Sahih (dalam kitab-kitab mereka) seperti Sahih Ibn Khuzaymah. (Mahmud al-Tahhan, 1985, hlm: 39)

9.0 Cadangan.

Adalah dicadangkan kepada para pengguna hadith, khususnya para ulama yang terlibat secara langsung atau tidak langsung agar diberi kursus berterusan bagaimana menggunakan hadith-hadith yang telah dibukukan oleh para ulama menerusi pendekatan al-Takhrij atau dengan cara kaedah terkini seperti penggunaan-penggunaan

CD hadith terkini, dengan bimbingan daripada para ahli akademik agar tidak mengambil hadith-hadith berkenaan tanpa mengetahui metodologi para ulama tersebut. Tanpa bimbingan, pengguna akan terkeliru lebih-lebih lagi kepada satu permasalahan di mana sesuatu sanad hadith ditemui Da'if di sesebuah kitab hadith, tetapi matannya Sahih di kitab lain.

10.0 Kesimpulan.

Tanpa Sanad sesuatu pernyataan tidak dapat dinilai. Sejarahanya telah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w.

Mengenalpasti sesuatu perkhabaran adalah perintah Allah dan Rasulullah s.a.w.

Sanad dalam hadith di era globalisasi masih tidak berubah kepentingannya ia kekal selamanya.

Terdapat persamaan kaedah mengenalpasti kesahihan isnad dulu dan di era globalisasi iaitu dalam memastikan kesahihan sesuatu hadith.

Kelemahan umat Islam dalam mengambil sesuatu hadith daripada kitab-kitab ulama hadith dulu dan di zaman globalisasi kini adalah disebabkan tidak mengetahui metodologi kitab-kitab berkenaan. Mereka menyangka kesemua kandungan kitab-kitab berkenaan sahih.

Isnad tetap penting sehingga ke hari Kiamat. Kerana ia adalah sebahagian tuntutan agama.

Rujukan

Abd al-Halīm El-Muh ammadi, 1991M. Islam Dan al-H adīth
Satu Analisa ke Atas Usaha-usaha Merosakkan Peribadi dan
Autoriti Rasulullah S.A.W. Selangor: Dewan Pustaka Salam.

Abu Syahbah, Muh ammad bin Muh ammad, 1409H/1989M. Difā^c
^cAn al-Sunnah. al-Qāhirah: Maktabah al-Sunnah.

Aḥamad Asmādi bin Sākat, 1998M. Metodologi Imam al-Turmudhī
Dalam Kitab Sunannya: Kajian Perbandingan Dengan
Metodologi Sunan Ibn Mājah (Tesis Sarjana, UKM).

al-Ṭaḥḥān, Maḥmūd, 1417H/1996 Uṣūl al-Takhrīj Wa Dirāsāt
al-Asānīḍ Riyāḍ: Maktabah al-Ma^cārif li al-Nasyr Wa al-
Tawzī^c.

Hammām ^cAbd al-Raḥīm Sa^cīd, 1407H/1987M. Syarḥ ^cilal
al-Turmudhi li Ibn Rajab al-Ḥanbalī. Jordan: Maktabah al-
Manār.

Al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din, 1979M/1399H, Qawa'id al-
Tahdith Min Funun Mustlah al-Hadith